

**Tanda Putera: Kit Siang akan saman Utusan, Puad, dan Zainudin**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 9 , 2013**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

Veteran DAP, Lim Kit Siang akan mengambil tindakan mahkamah terhadap lidah rasmi Umno, Utusan Malaysia dan dua pemimpin parti majoriti Melayu itu; Dr Ahmad Puad Zarkashi dan juga bekas menteri Datuk Zainuddin Maidin ekoran kenyataan mereka yang didakwa "menyebarkan fitnah dan penipuan."

Ketua Parlimen DAP itu menegaskan, dalam kenyataan kedua-dua pemimpin berkenaan, yang disiarkan Utusan Malaysia, ia sama sekali tidak benar dan kenyataan itu juga tidak bertanggungjawab.

"Bagaimana bekas timbalan menteri Umno, dan Utusan Malaysia menyiarkan artikel yang menipu, sedangkan ia tidak bertanggungjawab," kata Kit Siang dalam kenyataan hari ini.

"Saya mengarahkan peguam untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Zainuddin, Puad, dan juga Utusan Malaysia," katanya. – 9 September, 2013.

Puad sebelum ini dilaporkan Utusan Malaysia berkata: "Penentangan DAP terhadap Tanda Putera semata-mata ingin menyembunyi kebiadapan Penasihat DAP, Lim yang bertindak kencing di depan rumah Menteri Besar Selangor ketika peristiwa 13 Mei 1969".

Manakala bekas Menteri Penerangan Zainuddin, dalam blognya berkata "Kit Siang menyemai benih-benih kematian dalam mencetuskan tragedi 13 Mei."

"Persoalannya di sini rakyat Malaysia, dan perwakilan Umno perlu bertanya sama ada penyebaran maklumat palsu yang akan mengorbankan pembinaan negara bangsa Malaysia," katanya.

Lim yakin, kenyataan-kenyataan seperti itu dikeluarkan semata-mata demi mendapatkan pengaruh dan undi untuk pemilihan Umno akan datang. – 9 September, 2013

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tanda-putera-kit-siang-akan-saman-utusan-puad-dan-zainudin>